

PENGARUH KITAB AL-HIKAM AL-'ATAIYYAH DALAM MASYARAKAT MELAYU DI MALAYSIA

**Shuhaimi Mohd Lana¹
Abd Rahman Abd Ghani²**

ABSTRAK

Ibn 'Ata' Allah al-Sakandari merupakan seorang tokoh ilmuan Islam ulung yang menekuni dalam bidang pendidikan kerohanian. Melalui karya ulung beliau, al-Hikam al-'Ataiyyah, nama Ibn 'Ata' Allah al-Sakandari telah dikenali di seluruh dunia Islam termasuklah negeri-negeri Islam di Alam Melayu. Dalam artikel ini, penulis cuba menjelaskan pengaruh al-Hikam al-'Ataiyyah dalam konteks pengajaran kesufiannya dan bagaimana pengaruhnya boleh tersebar ke dalam masyarakat Melayu di Malaysia. Justeru, kajian ini menggunakan metod induktif dan deduktif dalam menganalisis data yang ada. Manakala data dan maklumat dikumpul menggunakan metod perpustakaan dan dokumentasi. Kajian mendapati pengaruh al-Hikam al-'Ataiyyah telah lama bertapak di alam Melayu bermula dari akhir kurun yang ke 16 Masih melalui seorang ulama terkemuka yang dikenali dengan gelaran Tok Pulau Manis. Secara amnya kajian ini adalah merupakan satu usaha untuk membetulkan pandangan hidup masyarakat Islam terhadap para sufi, di mana para ulama Sufi juga terlibat secara langsung dalam menyebarkan Islam di rantau ini.

Kata kunci: *Ibn 'Ata' Allah al-Sakandari, al-Hikam, Tok Pulau Manis*

¹ Penulis adalah pelajar Sarjana Usuluddin di Jabatan Pengajian Islam Fakulti Sains Kemanusian Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjong Malim.

² Penulis adalah Prof. Madya di Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kumanusiaan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjong Malim.

THE INFLUENCE OF KITAB AL-HIKAM AL'ATAIYYAH IN MALAY SOCIETY IN MALAYSIA

ABSTRACT

Ibn 'Ata' Allah al-Sakandari is one of the renowned Muslim scholars that specialized in spiritual education. Through his magnum opus, al-Hikam al-'Ataiyyah, the name Ibn 'Ata Allah al-Sakandari is known in all over Islamic worlds including Islamic states in Malay region. In this article, the author attempts to explain the influence of al-Hikam al-'Ataiyyah in the context of Sufi teaching and how the influence was spread into Malay society in Malaysia. Therefore this research uses inductive and deductive method in analyzing data. For the data and information, it is compiled by using documentation and library method. Research shows that the influence of al-Hikam al-'Ataiyyah has already made its own base in Malay world from late 16th century, through a famous scholar by the name of Tok Pulau Manis. Generally, this research is an attempt to rectify the Muslims worldview towards Sufi, in which Sufis were directly involved in spreading Islam in this region.

Keywords: *Ibn 'Ata' Allah al-Sakandari, al-Hikam, Tok Pulau Manis*

PENGENALAN

Masyarakat Melayu Islam suatu ketika dahulu dikenali sebagai masyarakat yang sangat berpegang dengan ajaran Islam dan adat budaya yang berteraskan Islam. Hal ini berlaku dengan kewujudan pusat-pusat pengajian Islam berasaskan sistem pendidikan madrasah atau pondok di merata ceruk dalam kepulauan Melayu. Berdasarkan catatan sejarah bahawa institusi pendidikan Islam tradisional bermula dari Pattani pada abad ke 16 Hijrah. Ini berdasarkan fakta yang mengatakan bahawa seorang ulama yang bernama Faqih Wan Musa bin Wan Muhammad Salih al-Laqlihi dikesan membuka pengajian pondok pertama di Pattani bertempat di Kampung Sena.³ Kemudian pengajian pondok ini berkembang ke wilayah Pantai Timur dan Utara Semenanjung Tanah Melayu seperti Terengganu, Kelantan,

³ Ahmad Fathi al-Fatani. (2001). *Ulama Besar dari Fatani*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 16.

Kedah Perlis dan Pulau Pinang⁴, di mana kitab-kitab yang digunakan sebagai silibus di pusat-pusat pengajian seperti itu ialah kitab-kitab Jawi klasik dan kitab-kitab Arab *Turath*. Antara yang sangat dititikberatkan dalam pendidikan ala pondok ini ialah mengenai ilmu yang bersifat memperbaiki hati atau dikenali sebagai Ilmu Tasawuf.

Salah satu antara aliran atau metod yang sangat masyhur dalam pengajian Ilmu Tasawuf di negeri-negeri di Tanah Melayu ialah pengajian kitab *al-Hikam* atau *al-Hikam al-'Ataiyyah* yang ditulis oleh seorang ulama terkemuka iaitu Imam Ibn 'Ata' Allah al-Sakandari atau nama sebenarnya Syeikh Imam Taj al-Din Abu Fudhail Ahmad bin Muhammad bin 'Abd al-Karim bin 'Ata' Allah. Pengaruh beliau dalam ilmu Tasawuf di alam Melayu Islam adalah berkaitan dengan manhaj tasawuf yang dibawa oleh beliau mempunyai persamaan dan seiring dengan manhaj Tasawuf al-Ghazali⁵ yang sangat mendominasi sistem pengajian di pondok-pondok dan di madrasah pada ketika itu. Ini adalah disebabkan al-Ghazali sangat sinonim sebagai tokoh sufi bermazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah aliran al-Asya'irah yang diamalkan dan diterima secara baik dan menyeluruh di negeri-negeri Tanah Melayu dan di Kepulauan Indonesia.⁶

BIOGRAFI RINGKAS IBN 'ATA' ALLAH AL-SAKANDARI

Nama penuhnya adalah al-Syeikh al-Imam Taj al-Din, Ahmad bin Muhammad bin Abd al-Karim bin Abd al-Rahman bin Abd Allah bin Ahmad bin Isa bin al-Husain bin 'Ata' Allah. Kunyahnya Abu al-Fadl dan Abu al-'Abbas. Beliau bermazhab

⁴ Abdullah Haji Ishak. (1988). *Ke Arah Mengembalikan Identiti Pengajian Pondok di Malaysia*. Disertasi Ph.D. Jabatan Pengajian Islam. Universiti Malaya, hlm. 104-105. Lihat juga: Abdul Rahman Haji Abdullah. (1998). *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*. Kulala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 28.

⁵ Al-Taftazani, Abd al-Wafa' al-Ghanimi, Dr.(1996). *Perkembangan Tasawuf Islam*, ter. Abdul Shukor Haji Husin, Dr., dan Mudasir Rosder Dr. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri, hlm. 20. Lihat: Musa Fathullah Harun, Dr. (1996). *Pengantar Ilmu Tasawuf*. Sungai Buluh: Syarikat Mezahlm, 189. Lihat juga: Tok Pulau Manis. (2009). *Syarah Kitab Hikam Ibn 'Ata' Allah*, Tah. Haji Engku Ali bin Engku Endut. Pattani: Bin Halabi Press, hlm. 36.

⁶ Lihat: Mahayudin Haji Yahaya. (1998). *Islam di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 103.

Maliki⁷ dan juga seorang sufi bertarekat *al-Syadhiliyah*. Beliau diberi gelaran sebagai *Turjuman al-'Arifin*⁸.

Beliau dilahirkan di kota Iskandariah.⁹ Dengan sebab itu beliau dinisbahkan dengan *al-Sakandari* atau *al-Iskandarani* atau *al-Iskandari*. Namun kebanyakan ahli sejarah dan kitab-kitab *tarajum* tidak menyebutkan mengenai tarikh kelahirannya. Ini mungkin disebabkan terdapat percanggahan di kalangan mereka mengenai tarikh tersebut. Cuma Taftazani, menyebutkan, bahawa Ibn 'Ata' Allah al-Sakandari hidup di sekitar tahun 658 hijrah hingga 709 hijrah. Sementara itu Syeikh Ahmad 'Izz al-Din 'Abd Allah Khalaf Allah dalam kitabnya *al-Hikam*, mengandaikan tarikh kelahiran Imam Ibn 'Ata' Allah lebih awal lagi iaitu sekitar tahun 64H dan umur ketika wafatnya sekitar 70 tahun.¹⁰

⁷ Ramai mengatakan beliau bermazhab Maliki seperti Ibn Farhun di dalam *al-Dibaj al-Mudhahhab* dan Ibn 'Ajibah, namun Imam Taj al-Din al-Subki menyatakan bahawa beliau bermazhab Syafi'i. Lihat: Al-Subki, Taj al-Din al-Subki. (1324 H.). *Tabaqat al-Syafi'iyyah al-Kubra*. Kaherah: Tp. jld. 5, hlm. 176.

⁸ Nama beliau secara lengkap sebagaimana yang tertulis telah dipetik dari muqaddimah *Iqaz al-Himam fi Syarh al-Hikam* karya Ibn 'Ajibah. Lihat juga: Sa'id 'Abd al-Fattah. (2009). *Rasail Ibn 'Ata' Allah al-Sakandari*, Kaherah: Maktabah al-Thaqafah al-Diniyyah, hlm 16. Biografi Ibn 'Ata' Allah al-Sakandari boleh dilihat di dalam kitab-kitab berikut: *al-Durar al-Kaminah* karya Ibn Hajar al-'Asqalani, *Tabaqat al-Syafi'iyyah al-Kubra* karya Taj al-Din al-Subki, *al-Nujum al-Zahirah fi Muluk Misr wa al-Qahirah* karya Jamal al-Din al-Atabiki, *Min Dhuyul al-'Ibar* karya Imam al-Dhahabi, *al-Wafi bi al-Wafyat* karya al-Safdi, *al-Dibaj al-Mudhahhab fi Ma'rifat Aa'yan 'Ulama' al-Madhab* karya Ibn Farhun, *al-Badr al-Tali'* karya Imam al-Syaukani, *Syadharat al-Dhahab* karya Ibn 'Imad al-Hanbali, *Husn al-Muhadarah* karya Imam al-Suyuti, *Hidayah al-'Arifin* karya al-Baghdadi, *Mu'jam al-Matbu'at al-'Arabiyyah wa al-Mu'arrabah* karya Sarkis, *al-A'alam* karya al-Zarkali, *al-Kawakib al-Durriyyah fi Tarajum al-Sadah al-Sufiyyah* karya al-Manawi, *Tabaqat al-Syadhiliyyah al-Kubra al-Musamma Jami' al-Karamat al-'Aliyyah fi Tabaqat al-Sadah al-Syadhiliyyah* karya al-Kuhan, *Mu'jam al-Muallifin* karya Kahhalah dan lain-lain. Karya yang lengkap menceritakan mengenai biodata Ibn 'Ata' Allah al-Sakandari ialah *Ibn 'Ata' Allah al-Sakandari, Hayatuhu wa Tasawwufuhu* karya Abu al-Wafa' al-Ghanimi al-Taftazani dan Dr. Sulaiman bin Ibrahim kertas kerja yang bertajuk: *al-Syeikh Ibn 'Ata' Allah al-Sakandari, Satu Pengenalan Tokoh*.

⁹ Nama Iskandariah diambil dari sempena nama pengasas kota tersebut, al-Iskandar al-Akbar (Alexander The Great) pada tahun 332 S.M. Lihat: Jihan Mamduh Ma'mun. (2009). *Fath Misr*. Kaherah: Nahdah Misri li al-Tiba'ah wa al-Nasyr wa-Tawzi', hlm. 8.

¹⁰ Khalaf Allah, Ahmad 'Izz al-Din 'Abd Allah. (t.t.). *al-Hikam Li Ibn 'Ata' Allah al-Sakandari, Aqwa Dustur Tarbawiy fi al-Qarn al-Sabi' al-Hijri*. Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah Li al-Turath, hlm. 44.

Keturunan beliau dinisahkan kepada *al-Judhamiy*¹¹ iaitu beliau berasal dari bangsa Arab asal. Asal nenek moyang beliau dari penduduk *al-Judh'zam* iaitu salah satu Kabilah Kahlan yang berhujung pada Bani Ya'rib bin Qahtan.¹² Keluarganya telah berhijrah ke Mesir dan bermastautin di Bandar Iskandariah selepas kota tersebut dibuka dan ditakluki oleh kaum muslimin.¹³

Beliau dibesarkan dalam suasana keluarga yang terdidik dan kuat beragama sesuai dengan keadaan masyarakat Mesir Iskandariah pada masa itu yang masih kuat memegang tradisi beragama disebabkan terdapat ramai para ulama dan cendekiawan yang banyak memberikan tunjuk ajar dan nasihat kepada penduduk sekitarnya.

Bapa beliau ialah Muhammad bin 'Abd al-Karim. Bapa beliau hidup sezaman dengan al-Syeikh Abu al-Hasan al-Syadhili, pengasas Tarekat al-Syadhiliyyah dan bapanya sempat berguru dengan Abu al-Hasan al-Syadhili. Hal ini telah dinyatakan oleh Ibn 'Ata' Allah al-Sakandari sendiri di dalam kitabnya *Lata'if al-Minan*:

*Bapaku (Muhammad bin 'Abd Karim) pernah menceritakan kepadaku, beliau berkata: Aku pernah menemui Syeikh Abu al-Hasan al-Syazili R.A., aku mendengar dia (maksudnya Abu al-Hasan) berkata: "Demi Allah! Sesungguhnya, kamu bertanyakan aku tentang masalah yang aku tidak boleh menjawabnya, lalu aku lihat jawapannya tertulis pada botol dakwat, di atas hamparan dan di dinding."*¹⁴

Sementara itu datuk dari nasab keturunan ayahnya bernama Abu Muhammad 'Abd al-Karim bin 'Ata' Allah al-Sakandari (w 612 H) juga adalah seorang imam dalam fiqh, usul dan ilmu-ilmu Bahasa Arab. Datuknya adalah sahabat kepada Abu 'Amr Ibn Hajib (w 646H) seorang *faqih* dalam mazhab

¹¹ *Judham* adalah penduduk terawal Mesir di kalangan bangsa Arab. Mereka datang pada masa pembukaan Islam bersama Amru bin al-Ass dan hidup secara berkelompok di beberapa buah negeri. Di Iskandariah, mereka dikenali sebagai qabilah yang berani dan mempunyai kemahiran bermain pedang dan panah. Lihat: 'Umar Rida Kahhalah. (1997). *Mu'jam Qabail al-'Arab al-Qadimah wa al-Hadithah*. Beirut, Muassasah al-Risalah, jld. 1, hlm. 174.

¹² *Ibid*, hlm. 175

¹³ Iskandariah telah dibuka dan ditakluk oleh sahabat yang bernama 'Amr bin al-'Aas pada zaman 'Umar bin al-Khattab pada tahun 641 Masehi. Iskandariah merupakan ibu kota kerajaan Rom Timur di Mesir pada ketika itu dan bandar yang kedua penting kepada mereka selepas Bandar Costintinopel. Lihat: Jihan Mamduh Ma'mun. (2009). *op.cit*, hlm. 20-24.

¹⁴ Al- Sakandari, Ibn 'Ata' Allah. (t.t.). *Lataifal-Minan*, Kaherah: Dar al-Ma'arif, hlm.76.

Maliki. Kedua-duanya seperguruan dan *bertafaqquh* dengan ulama besar Mazhab Maliki bernama Syeikh Abu al-Hasan al-Abyari (w 618 H).

Mengikut al-Taftazani, kehidupan Ibn ‘Ata’ Allah al-Sakandari boleh dibahagikan kepada tiga peringkat. Pada peringkat yang pertama, beliau telah melibatkan diri mempelajari ilmu-ilmu Bahasa Arab seperti Nahu, Lughah dan Bayan. Pada peringkat ini beliau kerap dan banyak mengkritik ilmu para sufi kerana sikap fanatiknya terhadap ilmu-ilmu yang dipelajari dari para *fuqaha*'. Beliau sering meragui kebenaran ilmu dan amalan tasawuf malah mempertikaikan kedudukan ulama tasawuf dan para pengamalnya.¹⁵ Hal ini berlaku kerana terdapat pertembungan antara golongan sufi dan para *fuqaha*' semenjak zaman berzaman. Di antara dua kelompok ini, saling menuding jari, menyalahkan di antara satu sama lain. Golongan sufi melemparkan tomahan ke atas para *fuqaha*', kerana kononnya mereka hanya membabitkan diri dengan persoalan zahir sahaja. Manakala golongan *fuqaha*' menuduh sesat terhadap golongan sufi kerana membincangkan persoalan-persoalan batin hingga melangkaui sempadan yang dimaklumi di dalam Islam.¹⁶ Hal ini telah dinyatakan sendiri dalam kitabnya *Lata’if al-Minan* :

*Suatu ketika dahulu, aku mengingkarinya (beliau maksudkan gurunya Syeikh Abu al-‘Abbas al-Mursi), hingga berlaku satu perbincangan antara aku dan pengikut-pengikutnya (Abu al-‘Abbas al-Mursi). Ketika itu aku belum berguru dengannya. Aku telah berkata bahawa beliau itu hanya ahli ilmu zahir semata-mata dan golongan tasawuf hanya mendakwa mempunyai kelebihan-kelebihan besar sedangkan zahir syarak menolaknya.*¹⁷

Tahap kedua pula bermula pada tahun 674H di mana pada tahun tersebut Ibn ‘Ata’ Allah al-Sakandari telah mula mengenali Syeikh Abu al-‘Abbas al-Mursi dan berguru dengannya sehingga beliau berpindah ke Kaherah. Pada tahap inilah beliau mula mempelajari, memahami tasawuf dan mengamalkan ajaran tarekat al-Syadhiliyyah. Pada masa yang sama beliau meneruskan pengajiannya mempelajari ilmu-ilmu zahir yang lain dan juga mengajarnya.¹⁸ Pada peringkat ini, beliau sudah tidak mengingkari golongan tasawuf. Ini adalah kerana kefahamannya yang benar terhadap ilmu Tasawuf sesudah menerima didikan Abu al-‘Abbas al-Mursi, di mana gurunya tidak

¹⁵ Al-Taftazani, Abu al-Wafa’ al-Ghanimi. (1969 M/1389 H). *Ibn ‘Ata’ Allah al-Sakandari, Hayatushu wa Tasawwufuhu*, Kaherah: Maktabah al-Anjalu al-Misriyyah, cet. 2, hlm. 18-19.

¹⁶ Ahmad Amin .(1955). *Zuhr al-Islam*. Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah. jld 4, hlm. 67.

¹⁷ Al-Sakandari, Ibn ‘Ata’ Allah. (t.t.). *op.cit.*, hlm. 105.

¹⁸ Al-Taftazani, Abu al-Wafa’ al-Ghanimi. (1969 M/1389 H). *op.cit.*, hlm 19.

menghendaki beliau bertajrid (meninggalkan usaha dunia) dan meninggalkan mempelajari ilmu zahir semasa beliau bersuhbah dengan gurunya itu. Beliau merasa sangat takjub terhadap kebolehan Abu al-'Abbas al-Mursi. Beliau telah mengambil tarekat tasawuf daripada Abu al-'Abbas al-Mursi.¹⁹ Hal ini dinyatakan sendiri oleh beliau dalam Lataif al-Minan :

Aku pernah mendengar anak-anak murid syeikh mengatakan: Sesiapa yang hendak mendampingi syeikh, dia tidak boleh membawa sedikit pun ilmu zahir. Lalu aku merasa sukar kerana akan menyebabkan aku kehilangan ilmu (zahir) itu. Dan sukar juga kalau tidak boleh mendampingi syeikh (dengan sebab masih menyibukkan dengan ilmu zahir). Setelah itu aku datang menjumpai syeikh, aku mendapati dia sedang makan daging. Lalu aku berkata dalam hatiku: Harap-harap syeikh memberikan aku sedikit daging itu kepadaku. Belum habis lintasan hatiku, dengan segera aku telah diberi daging dari tangannya. Kemudian tanpa ditanya syeikh berkata kepadaku: Pendirian kami, apabila kami mendekati seorang peniaga, kami tidak akan mengatakan: "tinggalkan perniagaanmu dan marilah (belajar denganku)." Atau apabila mendekati seorang usahawan, tidak kami katakan kepadanya: "tinggalkan usahamu, mari (belajar denganku)". Atau penuntut ilmu, tidak kami katakan kepadanya: "tinggalkan ilmu zahir yang kamu tuntut, mari (belajar denganku)". Tetapi kami mengakui setiap mereka dengan apa yang Allah letakkan kepada mereka (dalam maqam asbab). Sebagaimana sahabat yang mendampingi Rasulullah SAW, tidak pernah Nabi SAW berkata kepada sahabat yang bermiaga: "tinggalkan perniagaanmu." Juga tidak pernah Nabi SAW berkata kepada usahawan: "tinggalkan usahamu," bahkan baginda mengakui asbab-asbab mereka dan menyuruh mereka bertaqwah kepada Allah disamping usaha mereka.²⁰

Tahap ketiga pula ialah tahap di mana Ibn 'Ata' Allah al-Sakandari mula berpindah dari Iskandariah ke Kaherah dan berakhir dengan kewafatannya pada tahun 709H.²¹ Tahap ini adalah tahap kematangan dan kesempurnaan ilmunya dalam kedua-dua bidang fiqh dan tasawuf dan ia juga merupakan tahap

¹⁹ *Ibid.* hlm. 19-20

²⁰ Al-Sakandari, Ibn 'Ata' Allah. (t.t.). *op.cit.*, hlm. 102.

²¹ Al-Taftazani, Abu al-Wafa' al-Ghanimi. (1969 M/1389 H). *op.cit.*, hlm 19.

di mana beliau telah mencerahkan ilmunya dalam kedua-dua bidang itu melalui kuliah-kuliah pengajian.²²

KARYA-KARYA IBN ‘ATA’ ALLAH

Ibn ‘Ata’ Allah bukan sahaja sebagai tokoh yang berkecimpung dalam bidang *dakwah bi al-Lisan*, malahan beliau adalah seorang yang sangat produktif dalam bidang penulisan. Beliau adalah tokoh al-Syadhili yang pertama yang memulakan bidang penulisan di mana karya yang pertama, *al-Hikam* telah ditulis pada masa gurunya Abu ‘Abbas al-Mursi masih memimpin Tarekat al-Syadhiliyyah. Ini bermakna pengasas al-Syadhiliyah, Syeikh Abu al-Hasan al-Syadhili tidak meninggalkan khazanah dalam bentuk penulisan, tetapi seluruh ajaran kesufiannya telahpun ditulis oleh Ibn ‘Ata’ Allah al-Sakandari di dalam kitab manaqib kedua-dua gurunya itu iaitu *Lataif al-Minan*. Antara hasil karya beliau yang berupa kitab dan risalah adalah seperti berikut:

1. *Al-Hikam*. Kitab yang mengandungi adab-adab dalam ilmu *tariqah* dan tasawuf, ibadah, tawhid, zikrullah, *maqamat*, dan *ahwal* dan sebagainya.
2. *Al-Munajat*. Sebuah risalah kecil yang mengandungi doa-doa. Risalah ini menurut Dr. Al-Taftazani disusun oleh Ibn ‘Ata’illah al-Sakandari ketika beliau mengarang dan menyusun kitabnya *al-Hikam*.
3. *Al-Wasiyyah*. Sebuah risalah kecil mengandungi nasihat-nasihat yang ditujukan kepada para sahabat dan anak muridnya di Iskandariyyah. *Al-Wasiyyah* boleh didapati pada akhir kitab *Lata’if al-Minan*.
4. *Al-Tanwir fi Isqat al-Tadbir*. Kitab ini mengandungi ajaran yang berkait dengan *Tawhid Rububiyyah*. Kitab ini telah diterjemah ke dalam Bahasa Melayu Jawi klasik oleh Syeikh ‘Uthman bin Syihab Pontianak dengan diberi judul *Tanwir al-Qulub*.
5. *Lata’if al-Minan*. Kitab ini mengandungi biografi atau manaqib gurunya, Syeikh Abu al-‘Abbas al-Mursi dan Syeikh Abu al-Hasan al-Syadhili.
6. *Taj al-’Arus al-Hawi li Tahdhib al-Nufus*. Kitab ini mengandungi nasihat dan panduan bagi ahli tasawuf, khasnya mengenai cara-cara mendapatkan *tazkiyyat al-nafs*. Kitab ini juga telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu Jawi oleh Muhammad Sharif bin Abdul Rahman dengan judul *Tahdhib al-Nufus*.

²² Al-Syurnubi, ‘Abd al-Majid. (1999). *Sharh al-Hikam Ibn ‘Ata’ Allah al-Sakandari*. Damascus: Dar Ibn Kathir, hlm. 17.

7. *Al-Qasd al-Mujarrad fi Ma'rifat al-Ism al-Mufarrad.* Kitab ini membicarakan tentang zat Allah S.W.T., sifat-sifat-Nya, nama-nama-Nya dan af'al-Nya dari sudut ilmu kalam dan pengalaman *dhauqiyyah* sufi.
8. *Miftah al-Falah wa Misbah al-Arwah.* Membicarakan cara-cara *riyadah al-nafs*, seperti *zikir*, *'uzlah* dan *suluk*.
9. *'Unwan al-Tawfiq fi Adab al-Tariq.* Kitab yang menghurai dan mensyarahkan *qasidah* Syeikh Abu Madyan al-Tilmisaniy (w 594H) menyentuh adab bersahabat.
10. Sebuah risalah kecil yang menghuraikan makna dan tafsiran ayat 54 surah al-An'am.
11. *Qasa'id.* Terdapat dua buah *qasidah*. Sebuah didapati pada akhir kitab *Lata'if al-Minan* yang berjumlah 62 bait. Sebuah lagi didapati dalam kitabnya *al-Tanwir* berjumlah 22 bait. Keseluruhan *qasidah* ini menyentuh persoalan adab, hati, perasaan, kesedaran, muraqabah ahli tasawuf.
12. *Al-Muraqqi ila al-Quds al-Abqa.* Kitab ini tidak dapat dikesan sehingga ke hari ini. Tetapi ia disebut oleh Imam al-Suyuti di dalam kitabnya *Husn al-Muhadarah*.
13. *Mukhtasar Tahdhib al-Mudawwanah.* Sebuah kitab fiqh yang diringkaskan dari sebuah kitab fiqh Mazhab Maliki berjudul *Tahdhib Mudawwanah* karangan Syeikh Ibn Habib al-Tanuhi (w 169-204H)
14. *Al-Qawa'id al-Diniyyah.* Sebuah kitab kecil yang mengandungi ilmu tentang hati, nafsu syahwat, sifat-sifat tercela dan bagaimana hendak membuangnya.
15. *Mawa'iz.* Mengandungi nasihat dan panduan kepada ahli tasawuf.
16. *Hizb al-Najah.* Mengandungi doa-doa hizb.
17. *Risalah al-Tasawwuf.*
18. *Tanbih fi Tariq al-Qawam.*
19. *Risalah fi al-Suluk.*
20. *Hizb al-Nur wa Tamam al-Surur.*
21. *Tuhfah al-Khulan fi Syarh Nasihah al-Akhwan.*
22. *Al-Du'a.*²³

²³*Ibid.*, hlm. 18.

PENGENALAN KITAB AL-HIKAM AL-‘ATAIYYAH

Al-Hikam al-‘Ataiyyah karya yang paling masyhur dan mendapat perhatian di kalangan ulama dan peminat-peminat Ilmu Tasawuf. *Al-Hikam* bererti ‘kata-kata hikmat’ di mana kitab ini dianggap sebuah matan yang mengumpulkan sebanyak 264 ungkapan-ungkapan hikmah kesufian yang sangat bernilai tinggi di mana ianya menghimpunkan pemikiran-pemikiran kesufian Ibn ‘Ata’ Allah al-Sakandari. Kitab ini sangat masyhur hingga membawa Ibn ‘Ata’ Allah al-Sakandari merentasi sempadan dunia kesufian dan tarekat, kerana kitab ini menjadi rujukan kepada semua para peminat ilmu tasawuf, tanpa mengira latar belakang tarekat yang diambil.

Al-Hikam al-‘Ataiyyah sebenarnya adalah merupakan sebuah kitab yang ringkas yang dianggap sebagai matan, merupakan himpunan kata-kata hikmat atau lontaran pemikiran Ibn ‘Ata’ Allah al-Sakandari dalam bidang kerohanian. Oleh sebab itu kitab ini tidak mempunyai tajuk-tajuk atau bab-bab tertentu. *Al-Hikam al-‘Ataiyyah* merupakan karya pertama beliau, kerana karya ini ditulis semasa hayat gurunya lagi, iaitu Syeikh Abu al-‘Abbas al-Mursi. Ini telah dinyatakan beliau sendiri di dalam kitabnya *Lataif al-Minan*. Mengikut pemerhatian penulis, pemikiran tasawuf Ibn ‘Ata’ Allah dalam kitab *al-Hikam al-‘Ataiyyah* telah banyak diulang dan dihuraikannya dalam karya-karya beliau selepasnya seperti di dalam kitab *al-Tanwir Fi Isqad al-Tadbir* menjurus kepada penghuraian doktrin *Isqad al-Tadbir* yang terdapat dalam *al-Hikam al-‘Ataiyyah*. Hal ini juga berlaku dalam kitab *Taj al-‘Arus*, *Lataif al-Minan* yang sebahagiannya mensyarahkan pemikirannya di dalam *al-Hikam al-‘Ataiyyah*.

KANDUNGAN KITAB AL-HIKAMAL-‘ATAIYYAH

Mengikut penelitian Ibn ‘Ajibah sebagaimana yang disebutkannya di dalam muqadimah *Iqaz al-Himam fi Syarh al-Hikam*, kandungan kitab *Al-Hikam al-‘Ataiyyah* mengumpulkan empat intipati yang penting dalam disiplin ilmu Tasawuf iaitu:

1. Ilmu peringatan dan bimbingan (*al-Tadhkir wa al-Wa’z*). Intipati dari kitab-kitab karangan Ibn al-Jawzi dan al-Muhasibi, kitab *Ihya’ Uulum al-Din* karya al-Ghazali, kitab *al-Takhbir* karya al-Qusyairi dan kitab *Qut al-Qulub* karya Abu Talib al-Makki.
2. Pembersihan amal, pemberian ahwal dengan akhlak yang baik dan pembersihan hati dari sifat yang keji. Intipatinya diaambil dari sebahagian karya al-Ghazali dan al-Syahruwardi.

3. Menentukan *ahwal*, *maqamat* dan hukum-hukum *dhawq* (*ahkam al-Adhwaq*) bagi para penuntut (*al-muridin*) di peringkat permulaan. Bahagian ini adalah yang paling banyak disebut oleh Ibn 'Ata' Allah al-Sakandari. Intipatinya diambil dari kitab *al-Mu'amalat* karya al-Khatimi, *al-Munazilat* karya al-Buni dan karya-karya lain sepertinya.
4. Mengenai Ilmu *Ma'rifat* dan Ilmu-ilmu *Ilham* (*ilmu ladunni*) seperti yang banyak dinukilkannya di dalam kitabnya *al-Tanwir Fi Isqad al-Tadbir* dan *Lataif al-Minan*, kerana kedua-kedua karya ini adalah seperti huraian kepada *Al-Hikam al-'Ataiyyah*.²⁴

SYARAH KITAB AL-HIKAMAL-'ATAIYYAH

Secara ringkasnya kitab *al-Hikam al-'Ataiyyah*, telah diterima dengan baiknya oleh keseluruhan ulama samada sufi atau yang bukan sufi. Kitab ini telah menarik minat para pembaca sehingga ianya telah diterjemahkan ke dalam perbagai bahasa dan disyarahkan hampir 40 buah kitab syarah iaitu bermula semenjak kurun ke lapan hijrah hingga sekarang.²⁵

Di antara syarah-syarah yang terkenal ialah *Ghaith al-Mawahib al-Saniyyah* karya Muhammad bin Ibrahim al-Nifzi yang dikenali sebagai Ibn 'Ibad. *Iqaz al-Himam Fi Sharh al-Hikam* karya Ahmad bin Muhammad Ibn 'Ajibah dan terdapat juga yang telah memperbaharui dan dimodenkan syarahannya. Antaranya ialah kitab yang diusahakan oleh Dr. Muhammad Said Ramadan al-Buti dengan judul *al-Hikam al-'Ataiyyah, Syarh wa Tahsil* yang mengandungi empat jilid terbitan Dar al-Fikr Beirut dan kitab *Mudhakkirat fi Manazil al-Siddiqin wa al-Rabbaniyyin Min Khilal Nusus al-Hikam al-'Ataiyyah* karangan Syeikh Said Hawwa terbitan Dar al-Salam Kaherah.

PENGARUH AL-HIKAM AL-'ATAIYYAH DALAM ALAM MELAYU

Bila kita menyebut Kitab al-Hikam, maka tergambar dalam pemikiran kita mengenai Ibn 'Ata' Allah al-Sakandari, tokoh ulama sufi yang tidak asing lagi, di mana namanya telah meniti di setiap bibir umat Islam terutamanya orang yang terlibat dalam pengkajian ilmu Tasawuf. Ajaran Tasawuf 'ala al-Hikam' Ibn 'Ata' Allah al-Sakandari telah tersebar di seluruh dunia Islam dan juga mendominasi umat Islam di Asia Tenggara. Hal ini berlaku kerana kata-kata di dalam kitab *al-Hikamal-'Ataiyyah* sangat menusuk kalbu, mempengaruhi hati para peminat Tasawuf.

²⁴ Ibn 'Ajibah, Ahmad bin Muhammad. (t.t.). *Iqaz al-Himam Fi Sharh al-Hikam*, Kaherah: al-Maktabah al-Tawfiqiyyah, hlm. 9. Lihat juga: Al-Syurnubi, 'Abd al-Majid. (1999). *op.cit.*, hlm. 27.

²⁵ Al-Syurnubi, 'Abd al-Majid. (1999). *op.cit.*, hlm. 39.

Kenyataan ini dibuktikan dengan adanya usaha menterjemah kitab-kitab karangan Ibn ‘Ata’ Allah al-Sakandari ke dalam bahasa-bahasa selain dari Bahasa Arab. Kegiatan atau usaha menterjemah dan mensyarahkitab ini dalam Bahasa Melayu Jawi lama (klasik) telah begitu lama dilakukan. Ianya bermula semenjak akhir abad ke 16 Masihi lagi iaitu yang disyarahkan oleh seorang ulama Nusantara yang berasal dari negeri Terengganu dalam bahasa Melayu Jawi bernama Syeikh ‘Abd al-Malik bin ‘Abd Allah²⁶ atau lebih terkenal dengan gelaran Tok Pulau Manis, dijuluk dengan nama *Hikam Jawi*.

Dalam muqaddimah kitab tersebut, Tok Pulau Manis menyatakan tujuan beliau menulis kitab tersebut dengan katanya:

*(Dan) sanya telah meminta akan daku setengah saudaraku yang salik bahawa menterjemahkan aku akan dia dengan Bahasa Jawi supaya memberi manfaat dengan dia segala orang yang mutbadi’. Maka kuperkenankan atas yang demikian itu dengan sekira-kira yang difahamkan Allah Ta’ala akan dia. (Dan) adalah aku memanjangkan sedikit perkataannya kerana aku memasukkan perkataan syarahnnya dengan sekadar kifayah, maka orang yang mutbadi’ mengetahui dia dan hanya kupohonkan kepada Allah Subhanahu wa Ta’ala akan sempurnanya dan akan beroleh manfaat segala orang yang talib akan dia dalam dunia dan dalam akhirat dengan berkat Sayyid al-Mursalin Wa Alihi Wa Sahbihi Ajmain.*²⁷

Ini menunjukkan bahawa tujuan penterjemahan dan syarahan kitab beliau itu ialah untuk menyebarkan ajaran tasawuf dengan cara yang mudah, dengan bahasa yang boleh difahami oleh masyarakat Melayu pada ketika itu. Mengikut sebagai yang dicatatkan, bahawa kitab ini ditulis semasa Tok Pulau

²⁶ Beliau ialah Syeikh ‘Abd al-Malik bin ‘Abd Allah bin ‘Abd al-Qahhar bin Syarif Muhammad al-Baghdadi. Beliau terkenal dengan panggilan Tok Pulau Manis, Tok Syeikh Pulau Manis, Tokku Pulau Manis, Tuan Pulau Manis dan Syarif ‘Abd al-Malik. Beliau adalah dari keturunan keluarga pendakwah Islam yang terawal tiba di Negeri Terengganu. Datuknya ‘Abd al-Qahhar iaitu Syarif Muhammad bin ‘Abd Allah pada mulanya ialah seorang pembesar di Kota Baghdad merupakan seorang pendakwah terawal yang tinggal di Terengganu. Tok Pulau Manis dipercayai berguru dengan bapanya sendiri, ‘Abd Allah bin ‘Abd al-Qahhar. Kemudian beliau melanjutkan pengajian agamanya di Aceh. Di sana beliau berguru dengan ulama tersohor Aceh Syeikh ‘Abd al-Rauf Singkel. Dikatakan juga beliau telah pergi ke Tanah Jawa untuk memperluaskan pengajiannya dan akhirnya ke Mekah pada tahun 1618 Masehi. Di sana beliau berguru selama 10 tahun dengan para ulama terkenal. Antaranya ialah Syeikh Ibrahim al-Kurani yang juga guru kepada Syeikh ‘Abd a-Rauf Singkel. Lihat: Haji Engku ‘Ali bin Engku Endut Muhammad al-‘Idrus. (2009). *Syarh Kitab Hikam Ibn ‘Ata’ Allah Tok Pulau Manis*. Pattani: Bin Halabi Press, Jld. 1, hlm. 33-34.

²⁷ Tok Pulau Manis. (t.t.). *Hikam Melayu*. Pattani: Matba’ah Bin Halabi, hlm. 2.

Manis masih lagi menuntut ilmu agamanya di Mekah. Beliau adalah di antara pelajar yang paling menonjol dengan ketinggian ilmunya dan kedudukannya, berbanding sahabat-sahabatnya yang lain. Oleh itu beliau telah diminta oleh beberapa sahabat rapat dan muridnya supaya menterjemahkan kitab *al-Hikam al-'Ataiyyah* ke dalam Bahasa Jawi. Ini adalah kerana kitab tersebut sangat sukar untuk difahami oleh masyarakat awam.²⁸ Mengikut cacatan di akhir kitab ini, ianya dicetak di Mesir pada bulan Safar tahun 1344 hijrah.²⁹ Ia juga telah dicetak berulang kali dan diterbitkan oleh beberapa percetakan. Antaranya ialah Matba'ah Bin Halabi Pattani Thailand.³⁰

Kitab Hikam Jawi ini telah diterima dengan baik oleh para ulama Melayu Islam dan telah digunakan secara meluas sebagai teks pengajian tradisional di pondok-pondok dan di kuliah-kuliah umum di masjid dan di surau sejak sekian lama khususnya di Malaysia dan Pattani. Tok Pulau Manis telah mensyarahkan kitab ini dengan memetik, menukilkan dan menterjemahkannya dari beberapa buah kitab syarah *al-Hikam* seperti *Iqaz al-Himam* karangan Ibn 'Ajibah, *Ghaith al-Mawahib al-Saniyyah* karya Muhammad bin Ibrahim al-Nifzi yang dikenali sebagai Ibn 'Ibad dan sebagainya.

Oleh kerana melihatkan keperluan masyarakat Islam yang berminat untuk mempelajari *al-Hikam al-'Ataiyyah*, tetapi terhalang disebabkan mereka tidak menguasai Bahasa Arab atau kesukaran memahami uslub Bahasa Melayu Jawi Klasik, maka terdapat beberapa orang tokoh ilmuan Islam di Malaysia dan di Indonesia telah mengusahakan bentuk karya-karya syarah Hikam dalam Bahasa Melayu moden yang lebih mudah difahami. Antaranya ialah kitab syarah Hikam oleh Dr. K.H Muhibbuddin Waly, yang diberi judul *Hakikat Hikmah Tauhid dan Tasyaaf (Hikam)*, terbitan Pustaka Nasional pada tahun 2007. Begitu juga yang diusahakan oleh Haji Salim Bajres, yang berjudul *Terjemahan al-Hikam*, terbitan Pustaka Aman Press Kota Bharu. Terdapat juga Syarah Hikam yang diberi judul *Kuliah Samudra Mutiara Hakikat Ma'rifat* susunan Labib Mz Maftuh Ahnan yang diterbitkan oleh Pustaka Jiwa Kuala Lumpur tahun 2000. Ulasan kepada *al-Hikam* dengan judul *Syarah al-Hikam Bimbingan Menjadi Wali Allah* oleh Abu Mazaya al-Hafiz, terbitan al-Hidayah Publishers Kuala Lumpur pada tahun 2003.

²⁸ Haji Engku 'Ali bin Engku Endut Muhammad al-'Idrus. (2009). op.cit. hlm. 38.

²⁹ Kemungkinan cetakan pertama.Tok Pulau Manis. (t.t.). op.cit, hlm. 163.

³⁰ Terdapat juga terjemahan kitab-kitab Ibn 'Ata' Allah yang lain seperti *kitab al-Tanwir fi Isqad al-Tadbir* dengan nama *Tanwir al-Qulub* oleh Syeikh 'Uthman bin Syihab al-Din Pontianak. Telah dicetak oleh Maktabah Wa Matba'ah Muhammad al-Huda Wa Auladuhu, Pattani Thailand, tanpa tarikh percetakan. Dan juga terdapat terjemahan dari kitab *Taj al-'Arus* dengan diberi judul *Tahdhib al-Nufus* oleh Muhammad Sharif bin Abdul Rahman. Telah dicetak oleh Maktabah al-Hajj Abd Allah bin Muhammad Nur al-Din al-Rawi, Pulau Pinang, tanpa tarikh percetakan. Kitab ini juga telah diterjemah dalam Bahasa Melayu Baru dan ditakhik oleh Haji Engku Ali bin Engku Endut dengan judul *Taj al-'Arus Mahkota Pengantin atau Mutiara Hikmah*.

Karya terbaru yang ringkas dan padat ialah *Syarah al-Hikam* yang dijudulkan dengan nama *Ahasinul Kalim Syarah al-Hikam*, terbitan Telaga Biru yang ditulis oleh Dato' Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri, Mufti Wilayah Persekutuan yang masih belum disempurnakannya. Setakat ini beliau telah menulis sebanyak tiga jilid.

Begini juga Kitab *Hikam Jawi Tok Pulau Manis* juga turut menerima perubahan. Antaranya ulasan kepada *Syarh Kitab Hikam Ibn 'Ata' Allah Tok Pulau Manis* oleh Haji Engku 'Ali bin Engku Endut Muhammad al-'Idrus, diterbitkan oleh Bin Halabi Press Pattani pada tahun 2009. Terdapat juga *Syarah Hikam Tok Pulau Manis* telah diedit, ditahqiq dan ditulis semula dalam tulisan rumi iaitu yang diusahakan oleh Amdan bin Hamid, terbitan Pustaka Jabbersa Johor Bahru. Syarah *Syarah Hikam Tok Pulau Manis* juga telah dialih kepada tulisan rumi oleh Ustaz Ramli Mat Hassan al-Asywaq, diterbitkan pada tahun 2015 terbitan Pustaka Ilmu, Batu Caves Selangor.

Dalam memahami karya-karya Syarah Hikam dalam Bahasa Arab yang sedia ada, terdapat juga usaha para ilmuan yang menterjemahkan kitab-kitab tersebut ke dalam Bahasa Melayu. Antaranya ialah terjemahan kitab *Mudhakkirat fi Manazil al-Siddiqin wa al-Rabbaniyyin Min Khilal Nusus al-Hikam al-'Ataiyyah* karangan Syeikh Said Hawwa, telah diterjemahkan dengan judul *Syarah al-Hikam Ibn 'Ata' Allah al-Sakandari Mencapai Maqam Siddiqun dan Rabbaniyyun*, terbitan Pustaka Dini Shah Alam, cetakan tahun 2001. Yang terbaru ialah terjemahan lengkap kitab *al-Hikam al-'Ataiyyah Syarh wa Tahlil*, karangan Dr. Muhammad Sa'id Ramadan al- Buti, diterjemahkan oleh H.M Yusuf Sinaga terbitan Berlian Publications, Puchong Selangor.

Dalam era internet, rakaman-rakaman syaranan kitab al-Hikam telah tersebar dalam You Tube secara meluas dan mempunyai peminat dan pengikut (*followers*) yang begitu ramai. Di antara siri rakaman yang tersusun dan terbanyak ialah siri kuliah pengajian kitab al-Hikam oleh Dato' Dr. Zulkifli bin Mohamad al-Bakri. Rakaman-rakaman kuliah tersebut boleh dilawati melalui laman sesawang: videokuliahagamadll.blogspot.com. Begitu juga rakaman syarah kitab al-Hikam dari Terengganu oleh Prof. Madya Dr. Abdul Manam al-Merbawi, seorang pensyarah di Universiti Sultan Zainal Abidin (UNIZA). Rakaman siri pengajian al-Hikam Jawi Tok Pulau Manis disampaikan oleh Ustaz Mustafa Kamal, Mudir Madrasah al-Hidayah, Kuala Terengganu. Begitu juga siri pengajian al-Hikam Jawi Tok Pulau Manis oleh Dr. Haji Harapan di Dahri dari Brunei Darul Salam dan sebagainya.

Dari keterangan-keterangan yang dikemukakan jelaslah bahawa pengaruh *al-Hikam al-'Ataiyyah* dalam masyarakat Melayu telahpun bermula semenjak sekian lama. Ianya dipercayai bermula dari tahun 1690 masehi iaitu tahun Tok Pulau Manis menetap di negeri Terengganu setelah beliau kembali dari melanjutkan pengajiannya di Mekah. Beliau dipercayai sebagai ulama yang

pertama yang membuka sistem pengajian ala pondok di Tanah Melayu³¹ dan seterusnya menyebarkan Islam di Tanah Melayu. Walaupun ulama-ulama Melayu yang lain juga pernah membawa pengaruh Ibn 'Ata' Allah dalam karya-karya mereka,³² namun tidaklah sehebat Tok Pulau Manis kerana beliaulah yang mula-mula menterjemahkan dan mensyarahkan kitab *al-Hikam al-'Ataiyyah* dalam Bahasa Melayu.

Pengaruh ini juga berterusan hingga ke hari ini melalui kuliah-kuliah di masjid dan surau dan yang lebih menarik kuliah-kuliah tersebut boleh diikuti dengan secara meluas melalui rakaman-rakaman di You Tube. Ini menunjukkan pengaruh *al-Hikam al-'Ataiyyah* masih segar dan utuh ibarat kata, 'tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas' hingga ke hari ini sebagai medium dakwah kepada masyarakat Islam kerana umat Islam sangat mendambakan pemikiran sufi 'ala Ibn 'Ata' Allah' yang bersih dari anasir-anasir keterlampauan (*ghuluw*) seperti *wahdah al-Wujud*, *al-Hulul*, *al-Ittihad* dan sebagainya, sebagai kesinambungan kepada tokoh-tokoh sufi sebelumnya seperti al-Ghazali, al-Muhasibi, al-Qusyairi dan sebagainya.

³¹ Shafie Abu Bakar. (1976). *Institusi Shaykh Abdul Malik bin Abdullah dan Kitab-kitab Padanya*, Tesis M. Litt., Institut Bahasa, Kebudayaan dan Kesasteraan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Lihat juga: Abdul Rahman haji Abdullah. (1998). *op.cit.*, hlm. 28.

³² Tokoh seperti al-Sayyid Ahmad bin al-Sayyid Zaini Dahlan, Mufti Syafi'i dengan karya beliau *Taqrib al-Usul li Tashil al-Usul li Ma'rifah Allah wa al-Rasul*. Kitab ini juga seperti Syarah al-Hikam, tetapi ditulis dalam Bahasa Arab. Kitab ini juga dikenali di Alam Melayu, turut dipelajari di pusat pengajian tradisional, disebabkan beliau mempunyai anak murid dari kalangan ulama Nusantara yang terkenal. Antaranya ialah Syeikh Nawawi bin 'Umar al-Bantani, Syeikh Ahmad Khatib bin Abdul Latif al-Minankabawi, Tuan Hussin Kedah, Syeikh Abdul Qadir al-Fatani dan lain-lain lagi.

KESIMPULAN

Kesimpulan dari paparan di atas, jelaslah bahawa kitab *al-Hikam al-'Ataiyyah* memberikan pengaruh yang besar dan meluas terhadap perkembangan ilmu-ilmu Islam dalam masyarakat Islam di Malaysia, terutamanya pengajaran ilmu Tasawuf di pondok, madrasah dan kuliah-kuliah agama di masjid dan surau sehingga kitab *al-Hikam al-'Ataiyyah*, terpaksa diperbaharui oleh para ulama dari sudut pendekatan huraian yang mudah untuk disesuaikan dengan keadaan masyarakat semasa yang kurang memahami kitab-kitab Jawi klasik.

Begitulah juga kebanjiran rakaman siri-siri pengajian kitab Syarah al-Hikam di You Tube yang dikupas oleh para ulama Nusantara, membuktikan bahawa pengaruh dan peminat kitab *al-Hikam al-'Ataiyyah* sangat meluas di kalangan masyarakat Melayu di Malaysia. Jelasnya, kitab *al-Hikam al-'Ataiyyah* dianggap sebagai sebuah kitab Tasawuf yang wajib dipelajari, difahami dan dihadamkan bagi seseorang salik ke arah makrifat Allah dan mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Secara tidak langsung menunjukkan bahawa penyebaran Islam di Nusantara juga berkait rapat dengan pendekatan dakwah yang dibawa oleh para ulama sufi. Ini sebagaimana yang telah dijelaskan, bahawa Tok Pulau Manis dan keluarganya adalah antara yang terawal menyebarkan Islam di rantau Nusantara ini khususnya di Negeri Terengganu.

RUJUKAN

- 'Umar Rida Kahhalah. (1997). *Mu'jam Qabail al-'Arab al-Qadimah wa al-Hadithah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Abdul Rahman Haji Abdullah. (1998). *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*. Kulala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Haji Ishak. (1988). *Ke Arah Mengembalikan Identiti Pengajian Pondok di Malaysia*. Disertasi Ph.D. Jabatan Pengajian Islam. Universiti Malaya.
- Ahmad Amin. (1955). *Zuhr al-Islam*. Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah.
- Ahmad Fathi al-Fatani. (2001). *Ulama Besar dari Fatani*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Sakandari, Ibn 'Ata' Allah. (t.t.). *Lataif al-Minan*. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Al-Sayyid Ahmad bin al-Sayyid Zaini Dahlan. (1965). *Taqrib al-Usul li Tashil al-Usul li Ma'rifah Allah wa al-Rasul*. Kaherah: Matba'ah Mustafa al-Babiy al-Halabi.
- Al-Subki, Taj al-Din al-Subki. (1324 H.). *Tabaqat al-Syafi'iyyah al-Kubra*. Kaherah: Tp.
- Al-Syurnubi, 'Abd al-Majid. (1999). *Sharh al-Hikam Ibn 'Ata' Allah al-Sakandari*. Damascus: Dar Ibn Kathir.
- Al-Taftazani, Abd al-Wafa' al-Ghanimi, Dr. (1996). *Perkembangan Tasawuf Islam*, ter. Abdul Shukor Haji Husin, Dr., dan Mudasir Rosder, Dr. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Al-Taftazani, Abu al-Wafa' al-Ghanimi, Dr. (1969 M/1389 H). *Ibn 'Ata' Allah al-Sakandari, Hayatuhu wa Tasawwufuhu*. Kaherah: Maktabah al-Anjalu al-Misriyyah.
- Ibn 'Ajibah, Ahmad bin Muhammad. (t.t.). *Iqaz al-Himam Fi Sharh al-Hikam*. Kaherah: al-Maktabah al-Tawfiqiyyah.
- Jihan Mamduh Ma'mun. (2009). *Fath Misr*. Kaherah: Nahdah Misr li al-Tiba'ah wa al-Nasyr wa-Tawzi'.
- Khalaf Allah, Ahmad 'Izz al-Din 'Abd Allah. (t.t.). *Al-Hikam Li Ibn 'Ata' Allah al-Sakandari, Aqwa Dustur Tarbawiyy fi al-Qarn al-Sabi' al-Hijri*. Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah Li al-Turath.
- Mahayudin Haji Yahaya. (1998). *Islam di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Musa Fathullah Harun, Dr. (1996). *Pengantar Ilmu Tasawuf*. Sungai Buluh: Syarikat Meza.
- Sa'id 'Abd al-Fattah. (2009). *Rasail Ibn 'Ata' Allah al-Sakandari*. Kaherah: Maktabah al-Thaqafah al-Diniyyah.

- Shafie Abu Bakar. (1976). *Institusi Shaykh Abdul Malik bin Abdullah dan Kitab-kitab Padanya*. Tesis M. Litt. Institut Bahasa, Kebudayaan dan Kesasteraan Melayu. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tok Pulau Manis. (2009). *Syarah Kitab Hikam Ibn ‘Ata’ Allah*. Tah. Haji Engku Ali bin Engku Endut. Pattani: Bin Halabi Press.
- Tok Pulau Manis. (t.t.). *Hikam Melayu*. Pattani: Matba’ah Bin Halabi.

RUJUKAN INTERNET

muftin.gov.my